

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
MULAI TAHUN 2021**

PENDIDIKAN ISLAM 1223/1 KERTAS 1

**NOTA RINGKAS  
PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 4  
KEFAHAMAN AYAT  
KEFAHAMAN HADIS**

**AKIDAH**

**FEQAH**

**SIRAH**

**AKHLAK**

**(RUJUKAN : BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM TING 4)**

NAMA MURID : \_\_\_\_\_

KELAS : \_\_\_\_\_

SEKOLAH : \_\_\_\_\_

**DISEDIAKAN OLEH  
USTAZAH ROHANA BINTI SULONG  
SMK BUKIT DIMAN, HULU TERENGGANU**

## ISI KANDUNGAN

PELAJARAN	TAJUK	M/S
PEL 4	SURAH AL BAQARAH AYAT 188 (LARANGAN RASUAH)	3
PEL 5	SURAH ALI IMRAN AYAT 137-139 (MEMAHAMI SUNNATULLAH)	3
PEL 6	SURAH AL AN'AM AYAT 70 (LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA)	4
PEL 7	SURAH FUSILAT AYAT 33 (DAKWAH PEMACU KEMAJUAN)	5
PEL 8	HINDARI DOSA BESAR (HADIS)	6
PEL 9	KEMULIAAN BERDIKARI (HADIS)	8
PEL 10	ALLAH MAHA PEMBALAS (AL MUNTAQIM) DAN MAHA PERKASA (AL JABBAR)	9
PEL 11	PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN	9
PEL 12	HINDARI AJARAN SESAT	10
PEL 13	HAJI DAN UMRAH	12
PEL 14	SEMBELIHAN	16
PEL 15	KORBAN DAN AKIKAH	17
PEL 16	MUAMALAT ISLAM	19
PEL 17	SOLAT SUNAT DHUHA DAN SOLAT SUNAT GERHANA	22
	ERA PEMERINTAHAN KERAJAAN ISLAM	24
PEL 18	KERAJAAN KHULAFK AL RASYIDIN	25
PEL 19	KERAJAAN BANI UMAYYAH	27
PEL 20	KERAJAAN BANI ABASIYAH	30
PEL 21	KEUNGGULAN TOKOH EMPAT MAZHAB	33
PEL 22	BERSIKAP BENAR MENJAUHKAN KEMUNAFIKAN	35
PEL 23	KHAUF DAN RAJAK	35
PEL 24	ADAB TERHADAP ORANG SAKIT DAN KURANG UPAYA	36
PEL 25	WASATIAH MENJAMIN KECEMERLANGAN UMAT	37
	PANDUAN DAN CONTOH JAWAPAN SOALAN RESPON TERBUKA (JAWAPAN UNIVERSAL)	39
	PANDUAN RINGKAS MENJAWAB SOALAN KBAT	40

**Artinya: “Barang siapa bertakwa kepada Allah maka Dia akan menjadikan jalan keluar baginya, dan memberinya rezeki dari jalan yang tidak ia sangka, dan barang siapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah baginya, Sesungguhnya Allah melaksanakan kehendak-Nya, Dia telah menjadikan untuk setiap sesuatu kadarnya”.**

**(QS. Ath-Thalaq: 2-3).**

**BAHAGIAN KEFAHAMAN AYAT****PELAJARAN 4****SURAH AL BAQARAH AYAT 188 (LARANGAN RASUAH)****LARANGAN DALAM AYAT**

- Rasuah
- Judi
- Riba
- Mencuri
- Merompak
- Menipu
- Salahgunakuasa

**MAKSUD RASUAH**

- Pemberian bertujuan memalsukan kebenaran dan membenarkan kepalsuan

**BENTUK KESALAHAN RASUAH**

- Meminta atau menerima rasuah
- Menawar atau memberi rasuah
- Menyalahgunakan kedudukan/jawatan
- Tuntutan palsu

**CONTOH MEMALSUKAN KEBENARAN**

- Memberi rasuah supaya menyimpan rahsia kebenaran

**CONTOH MEMBENARKAN KEPALSUAN**

- Memberi rasuah untuk memalsukan tender

**KESAN RASUAH**

- Pemberi dan penerima dilaknat Allah
- Individu hilang harga diri
- Melumpuhkan ekonomi negara
- Meningkatkan kes jenayah

**PENGAJARAN AYAT**

- Kita hendaklah mencari rezeki yang halal
- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada rasuah
- Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan sumpah palsu

**PELAJARAN 5****SURAH ALI IMRAN AYAT 137-139 (MEMAHAMI SUNNATULLAH)****KONSEP SUNNATULLAH**

- Sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada yang dapat mengubah perkara tersebut

**SUNNATULLAH MELIPUTI PERKARA BERIKUT**

- Bersifat kekal dengan izin Allah
- Merangkumi semua makhluk
- Berasaskan konsep sebab, musabab dan akibat

**KEPENTINGAN MENKKAJI SEJARAH UMAT TERDAHULU**

- Mengenalpasti sebab kejayaan

CONTOH	SEBAB KEJAYAAN	AKIBAT
Kaum Nabi Yusuf	Menyimpan bekalan semasa musim menuai	Selamat menghadapi kemarau panjang
Talut dan tenteranya	Mempunyai ilmu dan tubuh yang kuat	Dapat menewaskan tentera Jalut yang ramai

- Mengetahui sebab kemusnahan

CONTOH	SEBAB KEMUSNAHAN	AKIBAT
Kaum Thamud (Umat Nabi Soleh)	Angkuh dan menuduh Nabi Soleh pendusta	Binasa dengan petir dan gempa bumi
Kaum Lut (umat Nabi Lut)	Ingkar perintah Allah dan amalkan homoseks	Diterbalikkan bumi hingga binasa

- Dijadikan iktibar dalam kehidupan
- Berpegang kepada akidah yang benar dan berakhlak mulia

**KESAN MEMAHAMI SUNNATULLAH**

- Meyakini setiap yang berlaku adalah ketetapan Allah
- Merancang strategi dengan teliti untuk berjaya
- Menerima ketetapan Allah dengan positif
- Mengkaji kejadian alam untuk kemajuan
- Membentuk jati diri untuk menghadapi cabaran

**PENGAJARAN AYAT**

- Kita hendaklah yakin Allah mengatur kehidupan manusia bersesuaian dengan peraturan
- Kita hendaklah menjadi pengembara untuk mengetahui sunnatullah
- Kita hendaklah mengkaji sejarah untuk pedoman hidup
- Kita hendaklah yakin Al Quran merupakan petunjuk kebenaran
- Kita hendaklah menjauhi sikap putus asa
- Kita hendaklah menjaga keimanan kepada Allah

**PELAJARAN 6**

**SURAH AL AN'AM AYAT 70 (LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA)**

**BENTUK PERBUATAN MEMPERSENDAKAN AGAMA**

- Berasa bangga mempersendakan agama
- Menghina Sunnah Rasulallah
- Menghina golongan ulamak
- Mentafsir al Quran mengikut hawa nafsu
- Menyanjung perbuatan maksiat
- Menghalalkan yang haram
- Mengharamkan yang halal

**CARA MENJAGA KESUCIAN ISLAM**

- Memperkasa program keilmuan
- Penguatkuasaan undang-undang
- Mencontohi keperibadian Rasulallah
- Mengamalkan amar makruf nahi mungkar
- Meningkatkan kualiti ibadat fardhu dan sunat
- Meninggalkan perbuatan mencemarkan islam



*"Jangan cintakan orang yang tidak cintakan Allah. Kalau dia boleh meninggalkan Allah, apalagi meninggalkan kamu."*  
 (Imam As-Syafie)

**KESAN MEMPERSENDAKAN AGAMA**

- Boleh membatalkan iman
- Tidak dipandang oleh Allah di akhirat
- Tidak mendapat kejayaan dunia dan akhirat

**PENGAJARAN AYAT**

- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada golongan mempersendakan agama
- Kita hendaklah menyedari perbuatan mempermainkan agama adalah tipu daya dunia
- Kita hendaklah memberi peringatan kepada golongan mempersendakan agama supaya kembali kepada sunnah
- Kita hendaklah meyakini tiada perlindungan daripada Allah kepada orang yang mempermainkan agama
- Kita hendaklah sentiasa mempertahankan kesucian Islam

**PELAJARAN 7****SURAH FUSILAT AYAT 33 (DAKWAH PEMACU KEMAJUAN)****MAKSUD DAKWAH**

- Menyeru supaya melakukan perintah Allah dan meninggalkan laranganNYA

**TUNTUTAN AYAT**

- Berdakwah
- Beramal soleh
- Menjadikan Islam sebagai cara hidup

**BERDAKWAH**

- Mengajak dan menyeru manusia supaya takut kepada Allah dengan pendekatan terbaik
- Cara berdakwah
  - Dengan hikmah(bijaksana)
  - Nasihat yang baik
  - Berbahas secara baik

**BERAMAL SOLEH**

- Perbuatan baik yang dilakukan mengikut panduan al Quran dan sunnah
- Contoh amalan soleh
  - Ibadat khusus : solat
  - Ibadat umum : berakhlak mulia

**MENJADIKAN ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP**

- Melaksanakan ajaran Islam dalam semua bidang kehidupan

**PENGAJARAN AYAT**

- Kita hendaklah berdakwah kerana dakwah sunnah Rasulullah
- Kita hendaklah beramal soleh supaya menjadi contoh
- Kita hendaklah menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna



*" Dunia ini ibarat bayangan. Kalau kau berusaha menangkapnya, ia akan lari. Tapi kalau kau membelakanginya, ia tak punya pilihan selain mengikutimu. "*

*(Ibnu Qayyim At Jauziyyah)*

**KEFAHAMAN HADIS****PELAJARAN 8: HINDARI DOSA BESAR****TUJUH DOSA BESAR YANG TERKANDUNG DALAM HADIS**

- Syirik kepada Allah
- Sihir
- Membunuh
- Makan riba
- Makan harta anak yatim
- Lari dari medan perang
- Menuduh perempuan beriman berzina (qazaf)

**SYIRIK KEPADA ALLAH****SYIRIK JALI****Maksud syirik jali**

- Menyekutukan Allah dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatan

**Contoh Syirik Jali**

- Menyembah berhala
- Meyakini nabi Isa anak tuhan
- Meyakini alam dikuasai oleh kuasa selain Allah

**Kesan Syirik Jali**

- Merosakkan akidah

**SYIRIK KHAFI****Maksud syirik khafi**

- Melakukan sesuatu amalan bukan bertujuan kerana Allah

**Contoh syirik khafi**

- Riyak (melakukan solat kerana mengharap pujian)
- Ujub (berasa hebat dengan amalan sendiri)
- Takbur (sombong dengan kelebihan duniawi)

**Kesan Syirik Khafi**

- Merosakan pahala amalan

**SIHIR****Maksud sihir**

- Perbuatan yang memudaratkan orang lain dengan bantuan jin

**Contoh sihir**

- Santau
- Pukau
- Minyak pengasih
- Pelaris

**Kesan sihir**

- Kesakitan tubuh badan
- Mencetuskan pergaduhan
- Rumahtangga porak poranda
- Menyebabkan kematian

**Amalan yang boleh menghindarkan sihir**

- Membaca al Fatihah
- Membaca ayat al Kursi
- Membaca surah al Ikhlas
- Membaca al Mu'awizatain (Surah Al Falaq dan An Nas)

*"Seseorang menganggap sekatan sebagai batu penghalang, Sedangkan orang lain menganggapnya sebagai batu loncatan."*



**MEMBUNUH****Maksud membunuh**

- Menghilangkan nyawa seseorang

**Contoh membunuh**

- Menembak dengan senjata api
- Menikam dengan pisau
- Meletakkan racun dalam makanan

**Kesan membunuh**

- Menyusahkan keluarga mangsa
- Masyarakat porak poranda

**MAKAN RIBA****Maksud riba**

- Pertambahan bayaran dalam urusan pertukaran barang dan hutang piutang

**Contoh riba**

- Hutang yang menetapkan faedah bayaran dengan peratusan tertentu

**Kesan riba**

- Berlaku penindasan
- Melumpuhkan ekonomi

**MAKAN HARTA ANAK YATIM****Maksud makan harta anak yatim**

- Menggunakan harta anak yatim dengan cara menyalahi syarak

**Contoh makan harta anak yatim**

- Membelanjakan untuk kegunaan peribadi pemegang amanah
- Menyalahgunakan harta anak yatim

**Kesan makan harta anak yatim**

- Berlaku penindasan
- Menjejaskan silaturrahim

**LARI DARI MEDAN PERANG****Maksud dari medan perang**

- Meninggalkan medan peperangan menghadapi musuh

**Contoh lari dari medan perang**

- Melarikan diri daripada pasukan ketika berperang dengan musuh
- Enggan mempertahankan negara apabila diarahkan

**Kesan lari dari medan perang**

- Keselamatan negara dan rakyat terancam
- Negara terdedah kepada penjajahan

**MENUDUH PEREMPUAN BERIMAN BERZINA (QAZAF)****Maksud qazaf**

- Menuduh wanita Islam yang baik melakukan zina tanpa membawa saksi

**Contoh qazaf**


- Percakapan yang jelas seperti “kamu telah berzina”

**Kesan qazaf**

- Menjatuhkan maruah
- Mencetuskan perbalahan

**Hukuman qazaf**

- Hukuman kepada orang yang menuduh zina ialah 80 kali sebatan



*“Jangan takut GAGAL  
kerana yang tidak pernah gagal  
hanyalah orang-orang yang  
tidak pernah melangkah.” —*

*HANNA*



**PENGAJARAN HADIS**

- Kita hendaklah sentiasa memelihara diri daripada perbuatan syirik kerana boleh merosakkan akidah
- Kita hendaklah menjauhkan perbuatan membunuh kerana ia melanggar hak asasi
- Kita hendaklah bersikap amanah supaya dapat memelihara hak orang lain
- Kita hendaklah mempertahankan negara supaya Islam ditegakkan
- Kita hendaklah menjauhi perbuatan menuduh zina untuk memelihara maruah

**PELAJARAN 9**  
**KEMULIAAN BERDIKARI**

**PEKERJAAN PARA NABI DAN RASUL**

- Nabi Adam : petani
- Nabi Idris : Tukang jahit
- Nabi Musa : Penternak kambing
- Nabi Daud : Tukang besi
- Nabi Zakaria : Tukang kayu
- Nabi Muhammad : Pengembala kambing / peniaga

**MAKSUD BERDIKARI**

- Berusaha sendiri dan tidak bergantung kepada bantuan orang lain

**KONSEP BERDIKARI**

- Menggunakan potensi diri seperti kekuatan fizikal atau kecerdasan akal untuk perkara berfaedah
- Membebaskan diri daripada bergantung kepada orang lain
- Meyakini kemampuan diri untuk melaksanakan tugas
- Berazam untuk meningkatkan kualiti diri
- Berusaha untuk menyara kehidupan

**KELEBIHAN BERDIKARI**

- Agama: menjadikan Islam dipandang tinggi
- Ekonomi : sumber pendapatan yang halal
- Pendidikan : melahirkan modal insan melalui penerokaan ilmu dan kemahiran
- Kemasyarakatan : memperkasakan daya saing masyarakat untuk meningkatkan taraf hidup

**PENGAJARAN HADIS**

- Kita hendaklah memandang mulia pekerjaan yang halal
- Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta
- Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran
- Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan mengikut kemampuan



*“Kehidupan kita di dunia ini tidak menjanjikan satu jaminan yang berkekalan. Apa yang ada hanyalah percubaan, cabaran dan pelbagai peluang. Jaminan yang kekal abadi hanya dapat ditemui apabila kita kembali semula ke pada Allah*

**BAHAGIAN AKIDAH****PELAJARAN 10****ALLAH MAHA PEMBALAS (AL MUNTAQIM) DAN MAHA PERKASA (AL JABBAR)****MAKSUD AL MUNTAQIM**

- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah maha pembalas dengan menimpakan azab kepada orang yang melampaui batas

**KEFAHAMAN MENGENAI NAMA ALLAH AL MUNTAQIM**

- Allah memberikan pembalasan neraka terhadap orang yang menolak peringatan al Quran
- Allah menimpakan azab dalam peristiwa Ad Dukhan terhadap kaum Quraisy kerana menolak dakwah Rasulullah
- Allah memberikan pembalasan terhadap golongan yang menentang agamanya setelah diutuskan rasul kepada mereka

**MAKSUD AL JABBAR**

- Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah yang maha berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendaknya

**KEFAHAMAN MENGENAI NAMA ALLAH AL JABBAR**

- Allah memiliki dan menguasai seluruh alam dan makhluknya
- Perbuatan Allah tidak boleh dipersoalkan kerana ia mengandungi hikmah tersembunyi
- Manusia wajib merendah diri kerana makhluk yang sombong akan dicampakkan ke neraka

**PELAJARAN 11****PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN****HUKUM MEMELIHARA IMAN**

- Wajib

**CARA IMAN TERBATAL**

- Melalui iktikad
- Melalui perkataan
- Melalui perbuatan

**MAKSUD IMAN TERBATAL MELALUI IKTIKAD**

- Tidak percaya kepada perkara berkaitan Uluhiyat (ketuhanan), Nubuwwat (kenabian) Ghaibiyat (perkara ghaib) dan Syariat

**CONTOH IKTIKAD MEMBATALKAN IMAN DARIPADA ASPEK ULUHIYAT**

- Mengingkari kewujudan Allah sebagai pencipta
- Mengingkari sifat kesempurnaan Allah
- Menyifatkan Allah dengan sifat yang tidak layak baginya
- Meyakini kewujudan kuasa lain selain Allah

**CONTOH IKTIKAD MEMBATALKAN IMAN DARIPADA ASPEK AN NUBUWAT**

- Mengingkari kerasulan dan kenabian salah seorang atau semua nabi dan rasul
- Mengingkari kerasulan Nabi Muhammad sebagai rasul terakhir

**CONTOH IKTIKAD MEMBATALKAN IMAN DARIPADA ASPEK AL GHAIBIYYAT**

- Mengingkari hari kiamat atau peristiwa berkaitan dengannya
- Mengingkari kewujudan alam barzakh
- Mengingkari kewujudan malaikat dan jin

**CONTOH IKTIKAD MEMBATALKAN IMAN DARIPADA ASPEK AS SYARI'AT**

- Mengingkari salah satu rukun Islam atau kesemuanya
- Mengingkari hukum yang ditetapkan dalam al Quran
- Beriktikad undang-undang syariat daripada al Quran dan sunnah adalah lapuk

**MAKSUD IMAN TERBATAL MELALUI PERKATAAN**

- Percakapan yang mengandungi
  - pengakuan kufur
  - penafian akidah Islam
  - mempersendakan hukum Islam

**CONTOH PENGAKUAN KUFUR**

- “Saya tidak lagi bergama Islam”
- “Al Quran sudah tidak sesuai diamalkan”

**CONTOH PENAFIAN AKIDAH ISLAM**

- “saya tidak percaya adanya malaikat”
- “Rasul pun berbuat dosa”

**CONTOH MEMPERSENDAKAN HUKUM ISLAM**

- “zaman sekarang tidak perlu menutup aurat”
- “bilal itu menyalak seperti anjing”

**MAKSUD BATAL IMAN MELALUI PERBUATAN**

- Melakukan sesuatu perbuatan atau amalan yang jelas menunjukkan kekufuran

**CONTOH PERBUATAN MEMBATALKAN IMAN**

- Sujud kepada berhala atau makhluk dengan sengaja
- Meletakkan dan memberi penghormatan kepada peralatan agama lain
- Melakukan upacara ibadat agama lain
- Meletakkan Mashaf al Quran atau hadis di tempat yang hina dengan tujuan merendharkannya

**SYARAT TERBATAL IMAN**

- Mengetahui perkara yang dilakukan membawa kepada kufur
- Melakukannya dengan sengaja tanpa paksaan
- Mengingkari perkara asas dalam Islam
- Melakukan perkara yang jelas membawa kepada kufur

**KESAN MELAKUKAN PERKARA YANG MEMBATALKAN IMAN**

- Rosak segala amalan soleh
- Tidak diampunkan dosanya sekiranya tidak bertaubat
- Diharamkan memasuki syurga
- Hilang hak terhadap harta pusaka keluarga muslim

**CARA MENJAUHI PERKARA MEMBATALKAN IMAN**

- Mendalami ilmu agama Islam
- Bersahabat dengan orang soleh
- Melakukan amalan soleh
- Memastikan amalan berdasarkan al Quran dan sunnah
- Berdoa memohon petunjuk Allah
- Sentiasa beristighfar memohon keampunan

**PELAJARAN 12****HINDARI AJARAN SESAT****MAKSUD AJARAN SESAT**

- Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan bercanggah dengan al Quran dan sunnah

**CIRI AJARAN SESAT DARIPADA ASPEK AL QURAN DAN HADIS**

- Mentafsir al Quran dengan logik akal semata-mata
- Meyakini ada al Quran lain yang tersembunyi
- Hanya berpegang dengan Al Quran dan menolak hadis

**CIRI AJARAN SESAT DARIPADA ASPEK AKIDAH**

- Mengaku sebagai nabi atau rasul
- Mendakwa sebagai Imam Mahdi
- Mendakwa gurunya dapat menebus dosa
- Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu
- Mempercayai semua agama adalah benar
- Menolak alam ghaib seperti malaikat dan jin

**CIRI AJARAN SESAT DARIPADA ASPEK IBADAT**

- Menolak kewajipan ibadat fardhu
- Beribadat dengan hanya berzikir sahaja
- Menunaikan haji selain di Mekah
- Menghalalkan perzinaan atas nama nikah

**CIRI AJARAN SESAT DARIPADA ASPEK AKHLAK**

- Mengejek sahabat-sahabat nabi
- Taasub dengan ajaran gurunya sehingga menganggap kumpulannya sahaja yang benar
- Memperkecilkan amalan yang mengikut sunnah rasulullah

**KESAN MELAKUKAN AJARAN SESAT**

- **ASPEK AGAMA**
  - Melemahkan iman
  - Merosakan akidah
  - Menjatuhkan imej Islam
- **ASPEK EKONOMI**
  - Melahirkan individu pemalas
  - Membelanjakan wang pada perkara tidak berfaedah
- **ASPEK POLITIK**
  - Menggugat kestabilan politik
  - Mewujudkan suasana politik yang tidak harmoni
  - Taksab kepada pemimpin kumpulan
- **ASPEK KEMASYARAKATAN**
  - Membentuk masyarakat agresif dan kasar
  - Memutuskan silaturrahim

**CARA MENJAUHI AJARAN SESAT**

- Mempelajari Ilmu akidah yang sebentar
- Menjauhkan pergaulan dengan dicurigai ilmu dan amalannya
- Memastikan amalan adalah mengikut panduan al Quran dan sunnah
- Mencari maklumat daripada sumber yang sahih
- Berdoa memohon petunjuk Allah
- Bertaubat kepada Allah

**MAKSUD ISTILAH**

- **LIBERALISME AGAMA**  
Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan mentafsir agama
- **PLURALISME AGAMA**  
Aliran yang menganggap semua agama sama dan membawa kebaikan



*if Jannah is your dream, hold tight to your deen*

**BAHAGIAH FEQAH**  
**PELAJARAN 13 : HAJI DAN UMRAH**

**MAKSUD HAJI**

- Bahasa : Tujuan dan maksud
- Istilah : mengunjungi Baitullahil haram di Mekah pada bulan-bulan haji untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya

**MAKSUD UMRAH**

- Bahasa : Ziarah
- Istilah : Mengunjungi Baitullahil haram pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya

**HUKUM HAJI DAN UMRAH**

- Wajib sekali seumur hidup bagi individu mukallaf dan berkemampuan

**TAHUN PENSYARIATAN**

- Tahun ke-5 hijrah

**BULAN-BULAN HAJI**

- Syawal
- Zulkaedah
- 1 – 13 zulhijjah

**SYARAT WAJIB HAJI DAN UMRAH**

- Islam
- Baligh
- Berakal
- Merdekaa
- Berkemampuan :Istito'ah

**CIRI-CIRI BERKEMAMPUAN**

- Cukup perbelanjaan pergi dan balik
- Cukup keperluan asas tanggungan yang ditinggalkan
- Ada kenderaan pergi dan balik
- Aman perjalanan
- Sihat tubuh badan

**CIRI BERKEMAMPUAN KHUSUS BAGI PEREMPUAN**

- Mendapat keizinan suami atau wali
- Ditemani oleh mahram atau kumpulan perempuan yang dipercayai

**RUKUN HAJI**

- **NIAT IHRAM**
- **WUKUF DI ARAFAH**
  - Berada di Arafah walaupun seketika
  - Waktu bermula masuk waktu Zohor 9 Zulhijjah
  - Waktu tamat masuk waktu subuh pada 10 Zulhijjah
- **TAWAF DI KAABAH**
  - Mengelilingi Kaabah sebanyak 7 kali
  - Tempat permulaan : Garisan Hajarul Aswad
  - Berakhir di sudut yang sama
  - Tawaf mengikut syarat yang ditentukan

- **SAIE**
  - Berjalan ulang alik sebanyak 7 kali
  - Bermula di Bukit Safa
  - Berakhir di Bukit Marwa
  - Saie mengikut syarat yang ditetapkan
- **BERGUNTING/BERCUKUR**
  - Sekurang-kurangnya 3 helai rambut
  - Sunat bercukur bagi lelaki
- **TERTIB**
  - Melakukan perbuatan mengikut urutan

#### **RUKUN UMRAH**

- Niat ihram umrah
- Tawaf
- Saie
- Bercukur
- Tertib

#### **PERKARA WAJIB HAJI**

- **NIAT IHRAM DI MIQAT**
  - Berniat ihram di miqat ialah ketentuan tempat atau masa untuk berniat ihram haji
  - Jenis Miqat
    - Zamani  
Ketentuan masa bagi seseorang untuk berniat ihram haji bermula 1 Syawal hingga 10 Zulhijjah
    - Makani  
Ketentuan tempat untuk berniat ihram
  - Lima tempat miqat bagi Jemaah haji di luar kota Mekah
    - Zatu Irqin : dari arah Iraq
    - Qarnul Manazil : Dari arah Asia Tenggara
    - Yalamlam : Dari arah Yaman
    - Juhfah : Dari arah Mesir dan Tunisia
    - Zuhulaifah : Dari arah Madinah
- **BERMALAM DI MUZDALIFAH**
  - Berada di Muzdalifah selepas tengah malam 10 Zulhijjah hingga terbit fajar
- **MELONTAR JUMRAH AQABAH**
  - Melontar 7 biji anak batu
  - Masa melontar selepas tengah malam 10 Zulhijjah
- **BERMALAM (MABIT) DI MINA**
  - Berada di Mina pada malam-malam hari Tasyrik (11 – 13 Zulhijjah)
- **MELONTAR DI TIGA JUMRAH**
  - 7 biji di setiap jumrah
  - Masa melontar selepas azan subuh sehingga terbenam matahari 13 Zulhijjah
  - Nama-nama Jumrah
    - Jumrah Ula (Jumrah Sughra)
    - Jumrah Wusta
    - Jumrah Aqabah (Jumrah Kubra)

- **MENJAUHI LARANGAN IHRAM**

- **Berkaitan kecantikan**
  - Menyapu minyak rambut
  - Mencabut bulu atau rambut
  - Memotong kuku
- **Berkaitan wanigan**
  - Berwangi-wangi sama ada pada pakaian, badan atau menghidunya
- **Berkaitan pakaian**
  - Memakai pakaian berjahit bagi lelaki
  - Menutup kepada bagi lelaki
  - Menutup muka bagi wanita
  - Memakan sarung tangan
- **Berkaitan alam sekitar**
  - Memburu binatang buruan
  - Memotong atau merosakan pokok
- **Berkaitan hubungan seksual**
  - Berkahwin , mengahwinkan atau menjadi wakil menerima akad nikah
  - Melakukan perbuatan merangsang shahwat
  - Persetubuhan suami isteri

**PERKARA WAJIB UMRAH**

- Berniat Ihram di Miqat
- Menjauhkan larangan ihram

**AMALAN SUNAT HAJI DAN UMRAH**

- Mandi sunat ihram : dilakukan sebelum memakai ihram
- Solat sunat ihram : Selepas memakai ihram dengan sempurna
- Talbiah : banyakkkan bacaan talbiah semasa ihram
- Mengutip anak batu di muzdalifah (untuk haji sahaja)
- Solat sunat selepas tawaf (sunat dilakukan di belakang maqam Ibrahim)

**PERSAMAAN HAJI DAN UMRAH**

- **Perkara wajib**
  - Larangan ihram
  - Mempunyai miqat makani
- **Rukun**
  - Tawaf Ifadhah
  - Saie
  - Bercukur

**PERBEZAAN HAJI DAN UMRAH**

Aspek	Haji	Umrah
Waktu	Bulan haji sahaja	Bila-bila masa sepanjang tahun
Rukun	Ada wukuf	Tiada wukuf
Wajib Haji	Melontar Jumrah Bermalam di Muzdalifah Bermalam di Mina	Tiada amalan seperti haji

**JENIS HAJI**

- Haji Ifrad  
Mengerjakan haji dahulu kemudian mengerjakan umrah pada tahun yang sama
- Haji Tamattuk  
Mengerjakan umrah dahulu dalam bulan haji , kemudian mengerjakan haji pada tahun yang sama
- Haji Qiran  
Berniat mengerjakan haji dan umrah secara serentak

**GARIS MASA HAJI TAMATTUK**

- 6 Zulhijjah : berniat umrah dan melaksanakan umrah
- 8 Zulhijjah :
  - berniat haji di tanah haram
  - Meninggalkan larangan ihram haji
- 9 Zulhijjah : Wukuf di Arafah
- 10 Zulhijjah
  - Bermalam di Muzdalifah
  - Melontar Jumrah Kubra
  - Bergunting atau bercukur (pilihan untuk mendapat tahallul awal)
- 11 Zulhijjah
  - Melontar tiga jumrah
  - Bermalam di Mina
- 12 Zulhijjah
  - Melontar tiga jumrah
  - Bermalam di Mina
- 13 Zulhijjah
  - Melontar 3 jumrah
  - Bermalam di Mina
- 14 Zulhijjah
  - Tawaf Ifadhah
  - Saie
  - Bercukur (jika belum bercukur selepas melontar Jumrah Aqabah)

**HIKMAH HAJI DAN UMRAH**

- Aspek rohani
  - Menghapuskan dosa dan meraih ganjaran pahala
  - Menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah
- Aspek Sosial
  - Salin mengenali umat Islam di seluruh dunia
- Aspek politik
  - Menzahirkan kekuatan umat Islam
- Aspek dakwah
  - Menyemarakkan perkembangan dakwah ke seluruh alam
- Aspek ekonomi
  - Meningkatkan taraf hidup umat Islam
  - Mewujudkan sumber pendapatan baharu

**TAHALLUL**

- Maksud : membebaskan diri daripada larangan yang terdapat dalam ihram
- Tahallul, bagi umrah ialah bergantung selepas menunaikan saie
- Tahallul bagi haji
  - Tahallul awal boleh didapati dengan melaksanakan dua daripada tiga perkara berikut
    - Melontar Jumrah Kubra
    - Tawaf dan Saie
    - Bercukur / bergantung
  - Tahallul Thani ialah selepas melaksanakan tiga perkara tersebut

**PELAJARAN 14 :  
SEMBELIHAN**

**MAKSUD SEMBELIHAN**

- Bahasa : Memotong
- Istilah : Menyembelih haiwan yang halal di makan dagingnya dengan cara memutuskan urat Halqum dan merih

**HUKUM SEMBELIHAN**

- Wajib untuk dimakan dagingnya

**RUKUN SEMBELIHAN**

- Penyembelih
- Haiwan sembelihan
- Alat sembelihan

**SYARAT SAH SEMBELIHAN**

- Penyembelih
  - Beragama Islam / Ahli Kitab
    - Sembelihan kanak-kanak dan orang perempuan adalah halal
  - Melakukan sembelihan kerana Allah
    - Sembelihan untuk dipersembahkan kepada kubur keramat adalah haram
- Binatang sembelihan
  - Masih mempunyai hayat mustaqirrah
    - Hayat mustaqirrah ialah haiwan yang mampu bergerak dengan tenaga seperti merontaronta dengan kuat selepas sembelihan
  - Putus urat halqum dan merih dengan sekali sembelihan
- Alat sembelihan
  - Alat yang boleh melukakan kecuali kuku, gigi dan tulang

**PERKARA SUNAT SEMBELIHAN**

- Penyembelih
  - Menajamkan pisau
  - Menghadap kiblat
  - Membaca basmalah
- Haiwan sembelihan
  - Membaringkan haiwan di atas rusuk kiri
  - Menghadap kiblat
- Alat sembelihan
  - Alat yang tajam seperti pisau

**PERKARA MAKRUH SEMBELIHAN**

- Penyembelih
  - Menyembelih di hadapan haiwan lain
  - Menyembelih pada waktu malam
  - Tidak menghadap kiblat
  - Tidak membaca basmalah
- Binatang sembelihan
  - Menyiksa binatang
- Alat sembelihan
  - Menggunakan pisau yang tumpul

**CONTOH MENYIKSA BINATANG TANPA SEBAB**

- Memenggal leher
- Mematahkan kaki
- Mengheret kaki haiwan ke tempat sembelihan
- Menajamkan pisau sembelihan di hadapan haiwan

**HIKMAT SEMBELIHAN**

- Membezakan daging halal dan haram
- Menghindari penyakit akibat kuman dalam darah haiwan yang dikeluarkan
- Mempercepatkan proses kematian

**MAKLUMAT TAMBAHAN SEMBELIHAN**

- Janin yang mati selepas ibunya disembelih atau mati dalam perut adalah halal di makan
- Penggunaan water stunner dalam sembelihan ayam adalah diharuskan
- Penggunaan electrical stunning dalam penyembelihan lembu adalah harus

**PELAJARAN 15  
KORBAN DAN AKIKAH**

**UNIT 1 : KORBAN**

**MAKSUD KORBAN**

- Menyembelih haiwan al an'am pada 10 Zulhijjah hingga akhir hari Tasyrik (13 Zulhijjah) bertujuan mendekati diri kepada Allah

**HUKUM**

- Sunat muaakad
- Wajib jika bernazar

**TAHUN PENSYARIATAN**

- Tahun ke-2 hijrah bagi mengingati peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail

**BINATANG AL AN'AM YANG DIYSARIATKAN KORBAN**

- Unta
- Kambing
- Biiri-biri
- Kerbau
- Lembu

**SYARAT SAH KORBAN**

- Niat korban Ketika sembelihan
- Dilaksanakan dalam waktunya (selepas solat aidiladha hingga terbenam matahari 13 Zulhijjah)

- Haiwan cukup umur
  - Unta : 5 tahun ke atas
  - Lembu dan kerbau : 2 tahun ke atas
  - Kambing : 2 tahun ke atas
  - Biri-biri : 1 tahun atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan
- Haiwan bebas daripada penyakit dan kecatatan

#### **PERKARA SUNAT KORBAN**

- Orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur atau memotong kuku bermula 1 Zulhijjah hingga selesai sembelihan korban
- Melakukan sembelihan korban sendiri jika mampu
- Melaksanakan segala sunat sembelihan
- Bertakbir dan berselawat
- Doa semasa hendak menyembelih

#### **PEMBAHAGIAN DAGING KORBAN**

- 1/3 disedekahkan kepada fakir miskin
- 1/3 dimakan oleh orang yang berkorban dan anggota keluarganya
- 1/3 dihadiahkan kepada sahabat handai dan jiran tetangga
- Haram orang yang berkorban menjual daging serta semua bahagian haiwan korban

#### **PEMBAHAGIAN DAGING KORBAN NAZAR**

- **WAJIB** semua daging korban nazar diberikan kepada fakir dan miskin

#### **HIKMAH KORBAN**

- Mengagungkan syiar Islam
- Menghayati semangat pengorbanan Nabi Ibrahim
- Mengeratkan persaudaraan antara umat Islam
- Tanda bersyukur atas segala nikmat

### **UNIT 2 : AKIKAH**

#### **MAKSUD AKIKAH**

- Binatang al an'am yang disembelih sempena kelahiran bayi

#### **HUKUM AKIKAH**

- Sunat muakkad
- Wajib bagi yang bernazar

#### **BINATANG AL AN'AM YANG DIYSARIATKAN AKIKAH**

- Unta
- Kambing
- Biiri-biri
- Kerbau
- Lembu

#### **SYARAT SAH AKIKAH**

- Niat akikah ketika menyembelih
- Dilaksanakan setelah bayi dilahirkan
- Haiwan cukup umur
  - Unta : 5 tahun ke atas
  - Lembu dan kerbau : 2 tahun ke atas
  - Kambing : 2 tahun ke atas
  - Biri-biri : 1 tahun atau sudah bersalin gigi hadapan setelah berumur 6 bulan
- Haiwan tidak cacat dan bebas daripada penyakit

**PERKARA SUNAT AKIKAH**

- Berdoa Ketika hendak menyembelih
- Menyembelih Ketika matahari sedang naik
- Dilakukan pada hari ke-7 selepas kelahiran
- Tidak dipatah-patahkan tulang haiwan kecuali bahagian sendi
- Mencukur rambut selepas penyembelihan
- Memberi nama yang baik
- Bersedekah dengan emas dan perak seberat rambut bayi yang dicukur

**TEMPOH PELAKSANAAN AKIKAH**

- Sunat : setelah sempurna kelahiran sehingga bayi baligh
- Sunat Muakkad : pada hari ke-7 kelahiran bayi

**PEMBAHAGIAN DAGING AKIKAH**

- Sunat dimasak manis dan disedekahkan sesudah di masak
- Masakan afdhal disedekahkan kepada fakir miskin
- Masakan sunat dimakan oleh orang yang melakukan akikah

**HIKMAH AKIKAH**

- Menzahirkan kesyukuran atas kelahiran anak
- Menghebahkan berita kelahiran anak
- Menyuburkan sifat pemurah dan menjauhi sifat bakhil

**PELAJARAN 16 : MUAMALAT ISLAM**

**MAKSUD MUAMALAT ISLAM**

- Hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan seperti jual beli, sewaan, simpanan dan sebagainya

**HUKUM MUAMALAT ISLAM**

- Harus

**MATLAMAT PENSYARIATAN MUAMALAT DALAM ISLAM**

- Menunjukkan keadilan dalam mengatur kehidupan
- Mengiktiraf pemilikan harta secara sah
- Menjaga kepentingan pihak yang terlibat
- Mendapat keredhaan Allah

**KEPENTINGAN MEMAHAMI DAN MENGAMALKAN MUAMALAT ISLAM**

- Ianya merupakan tuntutan dalam Islam
- Allah memberi ancaman kepada mereka yang meyalahi muamalat Islam
- Menunjukkan Contoh keprihatinan nabi dalam menjaga muamalat Islam

**PERBANDINGAN ANTARA MUAMALAT ISLAM DAN KONVESIONAL**

MUAMALAT ISLAM	MUAMALAT KONVESIONAL
Bersumberkn dalil al Quran dan Sunnah	Bersumberkan teori manusia semata-mata
Mengharamkan riba	Mengamalkan riba
Bebas dari unsur judi dan gharar	Mengandungi unsir judi dan gharar
Berteraskan keimanan kepada Allah	Berteraskan keuntungan dan kekayaan

**UNSUR YANG DIHARAMKAN DALAM MUAMALAT ISLAM**

- Riba
  - pertambahan bayaran dalam pertukaran barang dan hutang
  - Contoh : berhutang RM 10,000 tetapi kena bayar RM 11,000.
  - Bahagian riba
    - Riba Ad Duyun : Riba hutang
    - Riba Al Buyu' : Riba jual beli
  - Jenis Riba menurut ulamak mazhab Syafie
    - Riba al fadhlu
    - Riba An Nasi'ah
    - Riba Al Yad
- Dhoror
  - Setiap perkara yang membawa kepada kerosakan
  - Contoh : transaksi barang terlarang
- Gharar
  - Kesamaran dalam urusan yang tidak dibenarkan syarak
  - Contoh : mejual burung di udara
- Judi
  - Perbuatan melibatkan pertaruhan sesuatu yang berharga
  - Contoh : mempertaruhkan wang dalam sesuatu perlumbaan

**PENGERTIAN AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM**

- Bahasa : ikatan / simpulan
- Istilah : Ijab dan qabul dalam urusan perniagaan atau kewangan

**RUKUN AKAD**

- Pihak yang berakad
  - Penjual
  - Pembeli
- Sesuatu yang diakadkan
  - Harga
  - Barang
- Sighah
  - Ijab
  - Qabul

**SYARAT AKAD**

- Pihak yang berakad
  - penjual dan pembeli
    - Baligh
    - Berakal
    - Mampu memelihara dan menjaga hartanya
  - Melibatkan dua pihak dan bebas membuat pilihan
- Perkara yang diakadkan
  - Mestilah wujud Ketika akad
  - Barang / perkhidmatan yang halal
  - Dapat diserahkan Ketika akad
- Sighah
  - Lafaz yang sepadan
  - Lafaz ijab qabul tidak diikat dengan syarat
  - Lafaz ijab dan qabul dalam satu pertemuan

## UNIT 2 : JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

### JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

- Pertukaran
  - Jual beli
  - Sewaan
- Kebajikan
  - Hibah
  - Qaradh
  - Wakaf
  - Wadi'ah
- Perkongsian
  - Musyarakah
  - Mudhorobah
- Agen
  - Wakalah
- Jaminan
  - Kafalah
  - Rahn

### PENGERTIAN DAN CONTOH JENIS AKAD DALAM MUAMALAT ISLAM

#### PERTUKARAN

- JUAL BELI
  - Maksud : Suatu akad pertukaran barang dengan barang dengan persetujuan penjual dan pembeli
  - Contoh : Membeli makanan di kantin sekolah menggunakan duit
- SEWAAN
  - Maksud : Akad bagi menyerahkan sesuatu yang bermanfaat yang boleh diberikan secara sewa dengan pembayaran tertentu
  - Contoh : sewaan rumah

#### KEBAJIKAN

- HIBAH
  - Maksud : memberikan sesuatu secara percuma dengan rela hati ketika pemberi masih hidup
  - Contoh : memberi sebuah Rumah kepada anak
- QARD
  - Maksud : Memberi hutang wang kepada orang lain tanpa imbuhan . Perlu dikembalikan dengan jumlah yang sama
  - Contoh : memberi pinjaman wang untuk kegunaan peribadi
- WAKAF
  - Maksud : Mewakafkan harta yang dapat diambil fizikalnya dan digunakan manfaatnya
  - Contoh Mewakafkan rumah untuk pusat jagaan anak yatim
- WADI'AH
  - Maksud : Memberikan sesuatu barang kepada orang lain agar dapat disimpan dan dijaga
  - Contoh : Simpanan wang

**PERKONGSIAN**

- MUSYARAKAH
  - Akad yang menetapkan sesuatu harta atau perniagaan dikongsi dua orang atau lebih
  - Contoh : Berkongsi menubuhkan syarikat perniagaan
- MUDHOROBAH
  - Akad yang dilakukan oleh pemodal dengan menyerahkan modalnya kepada pengusaha untuk diniagakan dan keuntungan dibahagikan
  - Contoh : Pemodal memberi RM10 ribu kepada pengusaha untuk menjual buah-buahan dengan keuntungan 60% pemodal 40% pengusaha

**AGEN**

- WAKALAH
  - Maksud : mewakili pekerjaan tertentu yang boleh dikerjakan kepada orang lain
  - Contoh : Arsyad mewakili Ahmad untuk menjual rumahnya dan Ahmad akan diberi imbuhan

**JAMINAN**

- KAFALAH
  - Maksud : Jaminan yang diberikan oleh penjamin kepada orang yang dijamin atas sesuatu transaksi
  - Muhammad menjadi penjamin kepada Ahmad membuat pembiayaan sesebuah pinjaman
- RAHN
  - Maksud : Menggadaikan sesuatu barang sebagai jaminan terhadap hutang
  - Contoh : Sarah menggadaikan gelang emas kepada bank untuk membuat pinjaman dengan bank

**PELAJARAN 17****SOLAT SUNAT DHUHA DAN SOLAT SUNAT GERHANA****UNIT 1 :SOLAT SUNAT DHUHA****MAKSUD**

- Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk sehingga sebelum gelincir matahari

**HUKUM**

- Sunat muakkad

**KAIFIAT MENUNAIKAN SOLAT SUNAT DHUHA**

- Membaca niat solat Dhuha
- Bilangan rakaat : 2, 4, 6, 8
- Cara pelaksanaan : digalakkan cara bersendirian
- Bacaan dalam solat
  - Rakaat pertama
    - Surah Al Fatihah
    - Surah Al Syams atau surah lain
  - Rakaat kedua
    - Surah al Fatihah
    - Surah Al Dhuha atau surah lain
  - Menyempurnakan rukun-rukun solat yang lain sehingga memberi salam

**HIKMAH SOLAT SUNAT DHUHA**

- Mendekatkan diri kepada Allah
- Membuktikan ketaatan kepada Allah
- Mendapat rahmat dan rezeki

**UNIT 2 : SOLAT SUNAT GERHANA****MAKSUD**

- Solat sunat yang dilakukan Ketika berlaku gerhana matahari atau gerhana bulan dengan cara tertentu

**HUKUM**

- Sunat muakkad

**TARIKH PENSYARIATAN**

- Gerhana matahari : tahun ke-2 hijrah
- Gerhana bulan : tahun ke-5 hijrah

**AMALAN SEMASA GERHANA**

- Solat sunat gerhana
- Memperbanyakkan istighfar
- Berdoa
- Bertakbir
- Bersedekah

**HIKMAH MENUNAIKAN SOLAT SUNAT GERHANA**

- Menginsafi kekuasaan Allah terhadap penciptaan alam semesta
- Memohon keampunan atas segala dosa
- Memberi peringatan agar manusia tidak melakukan kerosakan
- Memandu supaya mentauhidkan Allah dengan meninggalkan amalan khurafat semasa berlaku gerhana
- Mendapat pahala kerana mengikut sunnah Rasulullah

**KAIFIAT MENUNAIKAN SOLAT GERHANA**

- Membaca niat solat sunat gerhana
- Bilangan rakaat : 2 rakaat
- Waktu pelaksanaan : Ketika berlaku gerhana matahari atau bulan
- Cara pelaksanaan : digalakkan berjemaah
- Bacaan dalam solat rakaat pertama: Surah al Fatihah dan Surah lain
- Rukuk yang pertama dalam rakaat pertama : dipanjangkan bacaan semasa rukuk dengan kadar panjang surah dalam rakaat pertama
- Qiam: Surah Al Fatihah dan surah lain
- Rukuk kedua dalam rakaat pertama : dipanjangkan bacaan semasa rukuk seperti kadar panjang bacaan surah kali dua dalam rakaat pertama
- Menyempurnakan rukun-rukun solat yang lain
- Rakaat kedua : baca surah al Fatihah dan surah lain
- Rukuk yang pertama dalam rakaat kedua: dipanjangkan bacaan semasa rukuk dengan kadar panjang surah dalam rakaat kedua
- Qiam: Surah Al Fatihah dan surah lain
- Rukuk kedua dalam rakaat kedua: dipanjangkan bacaan semasa rukuk seperti kadar panjang bacaan surah kali dua dalam rakaat kedua
- Meneruskan solat dengan menyempurnakan rukunnya hingga memberi salam

*Sesiapa yang tidak pernah mengecapi pahit getir menuntut ilmu walaupun seketika ,  
maka ia akan terjerumus ke dalam kehinaan kejahilan seumur hidupnya*

*Imam Syafie*

**BAHAGIAN SIRAH DAN TAMADUN ISLAM****ERA PEMERINTAHAN KERAJAAN ISLAM**

- Zaman Rasulullah SAW
  - 1H – 11H (622M – 632M)
  - Pusat pemerintahan : Madinah
  - Pimpinan Rasulullah SAW
- Zaman Khulafak Al Rasyidin
  - 11H – 40H (632M – 661M)
  - Pusat pemerintahan : Madinah
  - Khalifah
    - Khalifah Abu Bakar
    - Khalifah Umar bin Al Khattab
    - Khalifah Usman bin Affan
    - Khalifah Ali bin Abi Talib
- Zaman Kerajaan Umayyah
  - 41H – 132H (661M – 750M)
  - Pusat pemerintahan di Damsyik
  - Khalifah terkenal :
    - Muawiyah bin Abi Sufian
    - Abdul Malik bin Marwan
    - Al Walid bin Abdul Malik
    - Umar bin Abdul Aziz
- Zaman Kerajaan Abasiyah
  - 132H – 656H (750M – 1258M)
  - Pusat pemerintahan : Baghdad
  - Khalifah terkenal
    - Abu Al Abbas As Saffah
    - Abu Jaafar al Mansur
    - Harun Al Rashid
    - Abu Jaafar Al Makmun
  - Antara tahun 656 H – 698H selepas kejatuhan kerajaan Abasiyah di Baghdad, kerajaan Abasiyah diteruskan di Mesir
- Zaman Kerajaan Uthmaniah
  - 698H – 1341H ( 1299M – 1924M)
  - Pusat pemerintahan : Istanbul
  - Sultan yang terkenal
    - Uthman bin Ertughul
    - Urkhan
    - Muhammad Al Fatih
    - Sulaiman Al Qanuni
    -



*If you are not willing to learn , no one can help you!*

*If you are determined to learn no one can stop you*

